

NO. SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7239

SOALAN:

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah pendatang asing (sama ada tanpa izin, pelarian dan lain-lain) yang berdaftar dan tidak berdaftar di dalam rekod agensi Kerajaan bagi Parlimen Pandan dan langkah yang diambil untuk mengurangkan kebanjiran pendatang asing di kawasan Pandan/Ampang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, buat masa ini Kerajaan tidak dapat memberikan data yang khusus dan spesifik mengenai keberadaan warga asing di sesuatu kawasan tertentu.

Kerajaan memandang serius isu pendatang asing tanpa izin (PATI), dan telah mengambil tindakan bagi menangani isu ini. Tindakan-tindakan yang telah diambil ini boleh dikategorikan kepada 2 peringkat iaitu sebelum masuk ke negara dan setelah berada dalam negara.

Sebelum masuk ke Malaysia, tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut:

- i) memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara;**
- ii) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini; dan**

- iii) pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara dipertingkatkan, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Kerajaan juga sentiasa memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA).**

Manakala setelah berada dalam negara, tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut:

- i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan dari masa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan**
- ii) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing dan institusi yang mengambil pelajar antarabangsa.**